



## KENYATAAN MEDIA

**YB. DATUK DR. EWON EBIN  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA  
MERANGKAP  
AHLI PARLIMEN P.179 RANAU  
MENGENAI**

---

**52 GEMPA SUSULAN SEHINGGA JAM 12.00 TENGAHARI, 7 JUN  
2015 :  
KEJADIAN GEMPA BUMI 5.9 SKALA RITCHER PADA 5 JUN 2015 DI  
RANAU, SABAH**

---

Sehingga 12.00 tengahari, 7 Jun 2015, sebanyak 52 gempa bumi susulan telah berlaku dengan kekuatan lemah antara 1.6 hingga 4.5 pada Skala Ritcher yang boleh menyebabkan bahaya tanah runtuh di sekitar Gunung Kinabalu. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan berhati-hati dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga.

Mengenai hal warna air di Hot Spring berubah menjadi hitam, menurut kajian pakar geologi, ia merupakan fenomena biasa selepas berlaku gempa bumi disebabkan berlakunya percampuran tanah/lumpur.

Sebagai perkongsian, Gunung Kinabalu sudah terbentuk 7 - 8 juta tahun dahulu. Pada asalnya ianya merupakan gunung berapi tetapi telah mati atau 'dormant' dan kini tiada sebarang petunjuk mengatakan ianya

kembali aktif dan kali terakhir berlaku letupan gunung berapi ialah puluhan ribu tahun dahulu iaitu di Tawau dan Semporna.

Makluman bersama, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan **War Room bertempat di Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu**, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat rujukan orang awam untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai status gempa bumi tersebut dan gempa-gempa susulan yang berlaku dengan menghubungi talian **088-413 690 @ 088-413 691**.

Di samping itu orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan dari laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi <m.met.gov.my> atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet> atau MetMalaysia Hotline di talian **1 300 22 1MET (1638)**.

**YB DATUK DR. EWON EBIN**

**7 Jun 2015**